

SPESIFIKASI STANDARD CENDAWAN TIRAM KELABU

1. SKOP

Spesifikasi standard ini adalah untuk Cendawan Tiram Kelabu atau nama botaninya *Pleurotus sajor-caju* dari keluarga *Pleurotaceae* yang dipasarkan untuk kegunaan segar.

2. DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi ini, terma-terma yang digunakan akan bermaksud

- 2.1. **Kematangan** - Terdiri daripada empat (4) indeks seperti berikut:
 - 2.1.1. **Indeks 1**: Kelopak berbentuk bulat, tebal, pejal dan lekuk tidak ketara. Tidak matang.
 - 2.1.2. **Indeks 2**: Kelopak berbentuk bulat, tebal, pejal dan lekuk sudah jelas. Matang.
 - 2.1.3. **Indeks 3**: Kelopak melekuk dan tepi kelopak menipis, dan sedikit berombak. Matang.
 - 2.1.4. **Indeks 4**: Tepi kelopak nipis dan ketara berombak. Terlalu Matang.
- 2.2. **Kematangan seragam** - Konsainan dianggap seragam apabila mempunyai satu indeks atau gabungan indeks 2 dan 3 sahaja dalam satu pembungkusan.
- 2.3. **Segar** - Cendawan segar mempunyai permukaan kulit yang licin dan tekstur isi yang pejal. Keadaan kelopak tidak layu, kulit tidak berkedut atau kecut.
- 2.4. **Bersih** - Bebas daripada kesan kotoran dan benda asing.

- 2.5. **Kecacatan** - Mempunyai tanda-tanda yang menjelaskan persembahan seperti kotor dan cacat bentuk.
 - 2.5.1. **Kotor** - Terdapat kesan-kesan yang tidak dibersihkan seperti kesan habuk kayu dan lain-lain benda asing
 - 2.5.2. **Cacat bentuk** - Berbentuk tidak normal atau sempurna seperti terbantut, lengkok dan sebagainya.
- 2.6. **Rosak** - Sebarang kecederaan atau kecacatan disebabkan oleh kesan mekanikal, perosak dan penyakit yang menjelaskan rupa keseluruhan, kualiti dan tempoh simpan.
 - 2.6.1. Kecederaan semasa pengendalian seperti luka, pecah dan kecederaan dingin.
 - 2.6.2. Kesan gigitan atau lubang disebabkan oleh makhluk perosak.
 - 2.6.3. Kesan jangkitan penyakit seperti busuk yang disebabkan oleh organisma mikro.

3. KEPERLUAN MINIMUM

- 3.1. Telah mencapai tahap kematangan yang dikehendaki oleh pasaran (Indeks 2 dan Indeks 3) seperti yang dikehendaki oleh pasaran.
- 3.2. Agak bebas daripada rosak disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak dan penyakit.
- 3.3. Agak bebas daripada kecacatan dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.4. Panjang tangkai cendawan tidak kurang 2.0 sm.
- 3.5. Dirapikan dengan sempurna.
- 3.6. Cendawan berkeadaan sempurna.

4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

- 4.1. Cendawan Tiram Kelabu dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:

GRED	SPESIFIKASI	KELONGGARAN (Maksimum)	(%)
Premium	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 5 ≤ 5 ≤ 3 ≤ 5 ≤ 5
1	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang agak seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 5 ≤ 5 ≤ 5 ≤ 5 ≤ 10
2	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang agak seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 10 ≤ 10 ≤ 10 ≤ 10 ≤ 10

- 4.2. Bagi Cendawan Tiram Kelabu, saiz ditentukan oleh lebar kelopak dalam unit sentimeter (sm) seperti mana jadual berikut:

SAIZ	KOD		LEBAR KELOPAK (sm)
Lebih Besar	XL	A	>8.0
Besar	L	B	6.0 – 8.0
Sedang	M	C	4.0 – 6.0
Kecil	S	D	3.0 – 4.0

5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

5.1. Pembungkusan

- 5.1.1. Cendawan Tiram Kelabu daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2. Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3. Bahan yang digunakan untuk membungkus hendaklah bebas daripada bahan kimia.
- 5.1.4. Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2. Pelabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1. Tarikh:
- 5.2.2. Nama/Kod Penanam
- 5.2.3. Nama/Kod pengeksport
- 5.2.4. No. Kad Pengenalan
- 5.2.5. No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6. Alamat
- 5.2.7. Komoditi
- 5.2.8. Berat bersih
- 5.2.9. Gred

6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada kaedah statistik yang dipersetujui.

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 “*Method Of Sampling For Fresh Vegetables*” atau kaedah statistik yang dipersetujui.